



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
NO. 18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel : 03-8888 1904 / Faks : 03-8888 6526
Laman Web : www.eaic.gov.my



PENGARANG, MEJA BERITA / JENAYAH / MAHKAMAH

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SESI KEEMPAT PENDENGARAN AWAM OLEH SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN *ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)* BERHUBUNG

SIASATAN KEMATIAN DHARMENDRAN A/L NARAYANASAMY SEMASA DALAM TAHANAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

6 Oktober 2015 - EAIC akan mengadakan sesi keempat prosiding pendengaran awamnya berhubung siasatan kematian seorang tahanan bernama Dharmendran a/l Narayanasamy semasa dalam tahanan lokap polis Bahagian D9, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPKKL) bagi menentukan sama ada terdapat salah laku oleh mana-mana anggota atau pegawai polis berkaitan dengan kematian tahanan tersebut.

Sesi pendengaran ini adalah terbuka kepada orang awam dan pihak media. Ia akan berlangsung seperti ketetapan berikut:

TARIKH : 26 HINGGA 30 OKTOBER 2015

**TEMPAT : BILIK PENDENGARAN EAIC
ARAS 11, BLOK MENARA,
BANGUNAN MENARA USAHAWAN,
NO 18, PERSIARAN PERDANA
62652 PRESINT 2
PUTRAJAYA**

MASA : 9.00 PAGI HINGGA 4.30 PETANG

Seramai dua puluh satu (21) orang saksi lagi dijangka akan dipanggil untuk memberi keterangan pada sesi keempat pendengaran ini. Pendengaran ini akan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya EAIC, dibantu oleh tiga orang juru perunding, iaitu YBrs. Encik Lim Chee Wee (Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia), YBhg. Profesor Tan Sri Dato' Sri Dr. Sharifah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin (Mantan Pesuruhjaya EAIC) dan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Mohd Jamil bin Johari (Mantan Timbalan Ketua Polis Negara). Ia akan turut dibantu oleh pegawai-pegawai kanan EAIC sebagai pegawai pengendali. Sepanjang tiga sesi pendengaran yang lepas seramai 47 orang saksi telah selesai memberi keterangan.

Terma rujukan siasatan ini adalah seperti berikut:


- i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Pengawalkuasaan 2009 [Akta 700] oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan tahanan tersebut.
- ii. Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentu dan mengenal pasti:
 - a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
 - b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedure* (SOP) atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
 - c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.
- iii. Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau menggubal semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang.
- iv. Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700.

- v. Untuk menyediakan dan mengedarkan laporan mengenai hasil siasatan dan dapatan yang dilakukan.

Untuk maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Media EAIC, Puan Jasliza Jamil di talian 03 8888 5250 / 019 383 1915.

-TAMAT-

“INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH”



KAMAL BAHARIN BIN OMAR
Setiausaha
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
5 Oktober 2015